


# **MEMORANDUM**



**PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)  
NEGERI PULAU PINANG**

**KEPADA**

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN  
BERHUBUNG DENGAN  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**

---

**16 DISEMBER 2011 (JUMAAT)**

**DEWAN SRI PINANG, PULAU PINANG**

Bagi pihak Parti Tindakan Demokratik (DAP) Negeri Pulau Pinang, ingin kami mengemukakan cadangan-cadangan seperti berikut, untuk tujuan penambahbaikan proses pilihan raya di Malaysia:

**1. Umur mengundi diturunkan ke 18 tahun**

DAP bercadang supaya umur mengundi diturunkan lagi ke 18 tahun. Ini adalah sejajar dengan amalan kesemua parti politik, di mana warganegara Malaysia yang berumur 17 atau 18 tahun dibenarkan untuk menyertai sesebuah parti politik. Jikalau seseorang boleh menyertai parti politik pada umur 17 atau 18 tahun, maka tidak wajarlah mereka dilarang untuk mendaftarkan diri sebagai seseorang pemilih.

**2. Pendaftaran automatik sebagai pemilih baru semasa gantian MyKad 18 tahun**

Pendaftaran automatik sebagai pemilih baru boleh dilaksanakan semasa gantian MyKad oleh seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun. JPN mewajibkan seseorang yang mencapai umur 18 hingga 25 tahun untuk menggantikan MyKad atau Kad Pengenalan yang mereka pohon semasa umur 12 tahun, maka pendaftaran pemilih baru boleh dilakukan pada peringkat ini.

**3. Kaunter SPR didirikan di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan setiap cawangan Jabatan Pendaftaran Negara bagi tujuan pendaftaran/pemotongan pemilih secara automatik**

Kaunter SPR didirikan di setiap pejabat/cawangan JPN yang membekalkan perkhidmatan pelanggan kepada orang awam, dengan adanya kakitangan SPR diletakkan di setiap kaunter setiap hari bekerja bagi mempercepatkan lagi proses pendaftaran pemilih baru secara automatik atau pemotongan seseorang pemilih yang telah meninggal dunia dan sebagainya. Bagi suku tahun ke-3 tahun 2011, hanya 29 pemilih yang meninggal dunia di Pulau Pinang, di mana terdapat 22 KADUN yang langsung tiada pemilih yang meninggal dunia dalam tempoh tiga bulan tersebut. Ini menunjukkan kebanyakan pemilih yang telah meninggal dunia tidak dapat dipotong dengan serta-merta oleh SPR atas sebab tiadanya maklumat yang dibekalkan oleh JPN.

**4. Alamat pengundi dikemaskini secara automatik apabila berlakunya pertukaran alamat MyKad.**

DAP bercadang supaya alamat pengundi dikemaskini secara automatik setiap kali berlakunya pertukaran alamat MyKad. Pemilih-pemilih yang mendaftarkan alamat terbaru dengan MyKad tidak perlu beruruskan sekali lagi dengan SPR untuk tujuan tersebut.

**5. Wujudnya Lima (5) Kawasan Parlimen Khas Mengikut Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak untuk Tentera Mengundi**

Memandangkan ketelusan pengundian tentera sering dibangkitkan dan dipertikaikan, maka dicadangkan supaya wujudnya lima (5) Kawasan Parlimen Khas mengikut Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelatan), Zon Tengah (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu), Zon Selatan (Pahang, Melaka, Johor), Zon Sabah dan Zon Sarawak supaya semua tentera membuang undi mengikut zon di mana terletaknya markas tentera yang mereka berdaftar. Kawasan-Kawasan Parlimen Khas tersebut diwujudkan bagi membolehkan kebijakan dan kepentingan golongan tentera terjamin, di mana kawasan-kawasan sebegini hanya boleh dipertandingkan oleh seseorang calon yang berkelayakan tertentu, seperti pakar ketenteraan, tentera bersara atau seorang sarjana/ahli akademik yang mahir serta mendalami isu-isu yang berkaitan dengan aspek-aspek ketenteraan. Walau bagaimanapun, pegawai atau anggota ATM yang masih berkhidmat tidak boleh dibenarkan untuk bertanding.

**6. Kempen pilihan raya dibenarkan dalam perkarangan markas Tentera dan kuarters Polis**

Kempen pilihan raya boleh dibenarkan dalam perkarangan markas Tentera atau kuarters Polis bagi calon-calon yang berkaitan dengan lokaliti markas Tentera atau kuarters Polis sahaja. Tiada mana-mana pegawai/anggota Tentera atau polis dilarang atau diambil tindakan disiplin selepas mendampingi calon-calon yang bertanding, khasnya calon yang bukan mewakili parti memerintah. Risalah-risalah kempen juga boleh diedarkan dalam perkarangan markas Tentera atau kuarters Polis.

**7. Tempoh pameran/bantahan untuk rang Daftar Pemilih Tambahan (DPT) dilanjutkan kepada 21 hari**

Tempoh pameran/bantahan bagi rang Daftar Pemilih Tambahan (DPT) dilanjutkan daripada 7 hari kepada 21 hari. Ini membolehkan setiap parti politik mempunyai masa yang secukupnya untuk membuat tinjauan atau lawatan ke alamat-alamat tertentu untuk mengenalpasti kelayakan seseorang didaftarkan sebagai pemilih baru atau ditukarkan alamat ke sesuatu tempat yang baru.

**8. Fi bantahan RM10 bagi mengemukakan setiap bantahan dibatalkan dan tiada had bilangan nama yang boleh dibantah oleh seseorang**

DAP berasa tidak wajarnya bagi fi tersebut dikenakan untuk setiap bantahan yang dikemukakan dan tiada had dikenakan ke atas bilangan nama yang boleh dibantah oleh seseorang. Ini adalah untuk menggalakkan seseorang atau sesuatu pihak supaya memainkan peranan mereka sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengemukakan bantahan terhadap kelayakan mana-mana pemilih yang harus diragui.

**9. Bantahan dikemukakan tidak akan menghalang Daftar Pemilih Tambahan daripada diwartakan**

Apabila bantahan terhadap mana-mana pemilih dalam sesebuah Kawasan Parlimen diterima, maka keseluruhan Daftar Pemilih Tambahan bagi Kawasan Parlimen tidak dapat diwartakan sehingga bantahan-bantahan tersebut diselesaikan. Dengan itu, DAP bercadang supaya senarai nama pemilih yang dibantah dikeluarkan daripada DPT terlebih dahulu supaya proses penwartaan keseluruhan DPT tidak akan terjejas atau dilewatkan. Dengan ini, pemilih-pemilih baru yang tidak terlibat dalam bantahan tidak akan dimangsakan.

**10. Daftar pemilih dilengkapkan dengan alamat penuh dengan nombor poskod untuk setiap pemilih dan perlu adanya lokaliti yang terperinci untuk setiap jalan dalam sesebuah daerah mengundi**

Terdapat kes-kes di mana satu kod lokaliti untuk keseluruhan taman perumahan, walaupun taman tersebut terdiri daripada banyak jalan/lorong yang berasingan. Jikalau hanya satu kod lokaliti digunakan, maka ini akan menimbulkan kekeliruan terhadap lokasi sebenarnya seseorang pemilih menghuni jikalau tiada alamat yang lengkap dipaparkan/didaftarkan.

Sebagai contoh, bagi lokaliti Taman Kota Permai (451506044) di bawah Daerah Mengundi Taman Keenways (451506) untuk KADUN Padang Lalang/ Kawasan Parlimen Bukit Mertajam di Negeri Pulau Pinang, terdapat banyak jalan seperti berikut:

Lorong Kota Permai 2, 3, 4, 5, 7, 9, 11, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 23, 25, 27, 29 dsb;

Lintang Kota Permai 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 15, 17, 19, 21, 23 dsb;

Persiaran Kota Permai 2, 3, 4, 5 dsb; Jalan Kota Permai 11 dsb; Lintang Damai;

Lebuh Kota Permai 2 dsb; Jalan Bukit Minyak; Kota Permai; Permai Court

Maka, DAP bercadang supaya lokaliti tersebut dapat dipecahkan dengan lebih terperinci supaya senang dikesan alamat menghuni pemilih-pemilih yang terlibat. DAP juga bercadang supaya daftar pemilih dilengkapkan dengan alamat penuh serta nombor poskod bagi memudahkan urusan pengesanan/komunikasi dengan pemilih-pemilih tertentu.

**11. Pelajar-pelajar dan warganegara Malaysia yang bekerja/melanjutkan pelajaran/ menghuni di luar negara dapat didaftarkan sebagai pemilih pos**

Pelajar-pelajar dan warganegara Malaysia yang bekerja atau melanjutkan pelajaran atau menghuni di luar negara tidak boleh dinafikan hak mereka untuk mengundi. Mereka seharusnya didaftarkan sebagai pemilih tidak hadir. Terdapat aduan bahawa golongan ini tidak berpeluang mendaftarkan diri sebagai pemilih tidak hadir di negara-negara

tertentu, atas sebab kerena birokrasi dan sebagainya. Dengan itu, prosedur tersebut perlu dipermudahkan supaya hak warganegara Malaysia untuk mengundi tidak akan dinafikan.

**12. Tempoh 72 jam untuk seseorang calon menarik diri selepas penamaan perlu dibatalkan**

DAP bercadang supaya tempoh 72 jam untuk seseorang calon menarik diri selepas penamaan perlu dibatalkan. Dengan pembatalan ini, maka kertas undi akan mulai dicetak selepas tamatnya proses penamaan. Ini juga membolehkan pemilih tidak hadir di luar negara sempat untuk mengundi, di mana kertas-kertas undi mereka sempat dihantar balik ke Malaysia sebelum tamatnya masa pengundian. Ketiadaan ruang untuk seseorang calon menarik diri juga boleh mengelakkan berlakunya gejala rasuah bagi memastikan sesuatu pilihan raya tidak dipertandingkan.

**13. Tempoh kempen 21 hari bagi memastikan pemilih tidak hadir di luar negara berkesempatan untuk mengundi**

Tempoh berkempen 21 hari haruslah digalakkan. Dengan adanya tempoh berkempen yang lebih panjang, pemilih-pemilih dapat disampaikan dengan mesej yang lebih jelas daripada parti-parti politik yang bertanding sebelum sesuatu keputusan atau pilihan dibuat. Ini juga membolehkan kertas-kertas undi pemilih tidak hadir di luar negara sempat dihantar balik sebelum tamatnya waktu pengundian. Bagi mereka yang berada di luar negara tetapi bukannya pemilih tidak hadir, maka mereka ada masa yang secukupnya untuk mengaturkan dirinya balik kampung dan mengundi.

**14. Kerajaan “Caretaker” perlu ditubuhkan selepas Parlimen/Dewan Undangan Negeri dibubarkan**

Konsep Kerajaan “Caretaker” perlu diperkenalkan dan ditubuhkan sebaik sahaja Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan. Dalam tempoh ini sehingga Kerajaan baru ditubuhkan, tiada mana-mana Menteri Kabinet/Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri berpeluang untuk mengumumkan peruntukan kewangan atau sesuatu projek yang baru. Tiada sumber atau jentera Kerajaan boleh dipergunakan untuk tujuan kempen pilihan raya. Tiada kenderaan rasmi termasuk kapal terbang atau helikopter milik Kerajaan boleh dipakai untuk tujuan pilihan raya.

**15. Perlu adanya mekanisme untuk memantau perbelanjaan setiap parti/politik/calon bagi sesuatu pilihan raya**

DAP bercadang supaya mekanisme disediakan bagi memantau perbelanjaan setiap parti politik atau calon bagi sesuatu pilihan raya. Mengikut Seksyen 19 (1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, seseorang calon atau parti politik tidak boleh membelanja lebih daripada RM200,000 untuk sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan tidak boleh

lebih daripada RM100,000 untuk sesuatu pilihan raya bagi Dewan Undangan Negeri. Namun, Barisan Nasional (BN) telah membelanjakan RM218 juta untuk bahan-bahan pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum ke-11 pada tahun 2004. Dalam kata lain, BN yang bertanding dalam 219 Kawasan Parlimen dan 505 Kawasan DUN tidak boleh membelanja lebih daripada RM94.3 juta. Ini membuktikan bahawa BN telah melanggari Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dengan perbelanjaannya lebih dua kali ganda daripada had maksimum yang boleh dibenarkan. Namun, tiada sebarang tindakan diambil terhadapnya sehingga hari ini.

**16. Mana-mana pemilih diragui tidak boleh dibatalkan kelayakan mereka sehingga kes mereka dapat dibuktikan**

Bagi suku tahun ketiga Tahun 2011, terdapat 2,183 orang pemilih awam yang diragui di Pulau Pinang. Pada asalnya, pemilih-pemilih awam yang diragui disenaraikan dalam rang Daftar Pemilih Tambahan. Ini bermaksud jika tiada bantahan dibangkitkan dalam tempoh pameran 7 hari, maka senarai tersebut akan dipotong daripada Daftar Pemilih Induk. Kini, SPR memberikan tempoh sehingga 31 Disember 2011 untuk pemilih-pemilih awam tersebut mengesahkan status mereka. Jikalau tiada pengesahan dibuat, ini akan menyebabkan senarai tersebut terus dipotong.

Mengikut SPR, pemilih-pemilih yang terlibat mereka adalah mereka yang berumur 80 tahun dan ke atas. Jikalau SPR dalam lawatan kedua ke alamat berdaftar mereka tidak dapat mengesan pemilih-pemilih yang terlibat, maka mereka akan disenaraikan sebagai pemilih awam yang diragui dan akan dilucutkan kelayakan mereka sebagai pemilih berdaftar jika tiada pengesahan dibuat oleh mereka yang terlibat. DAP beranggapan tindakan SPR yang ingin memotong senarai pemilih awam yang diragui atas sebab mereka tidak menghuni di alamat yang asal adalah tidak wajar. Siasatan yang rapi perlu dijalankan dan kelayakan mereka sebagai pemilih berdaftar tidak boleh dilucutkan sebelum kes atau bantahan terhadap mereka dapat dibuktikan.

**17. Pendaftaran pemilih tentera/polis yang baru dilakukan oleh kakitangan SPR sendiri dengan adanya akses ke pangkalan data ATM/PDRM**

Terdapat banyak kelemahan dari segi pendaftaran pemilih tentera/polis dilakukan oleh penolong pendaftar SPR yang dilantik dari kalangan anggota tentera/polis. Jadual yang berikutnya menunjukkan terdapatnya 6 orang/3 pasang pemilih isteri tentera (didaftarkan sebagai pemilih pos di Lokaliti 0523704400) memegang Kad Pengenalan lama yang sama nombornya walaupun nombor MyKad mereka adalah berbeza. (Suku Tahun ke-2 Tahun 2011)

SUKU TAHUN 2/2011 (APRIL - JUN 2011)

No Siri	C	ID Alamat	Nama	Nama Spouse	IC Spouse	No Rumah	Alamat 1	Alamat 2	Alamat 3	Poskod	Bandar	Jantina	Kod Lokaliti	Nama Lokali	Nama Parlimen	Nama DUN	Nama Negeri	Suku	Tahun Lahir	Id Jenis K	Jenis Status	
23	64053104 5538	7225477	ROZIAH BT NORDIN	ROZIAHN ORDIN	T3008539	-	MARKAS DIVISYEN KE DUA INFANTERI	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1964	1	Pendaftaran Baru
64	63120610 7358	7225477	SUJIAH BINTI MOHD SID EK	SUJIAHM OHDSIDEK	T3001658	-	MARKAS 2 DIV.	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1963	2	Pendaftaran Tukar Alamat
25	69081771 5328	A1283855	GUSTINA BINTI AHMAD	GUSTINAA HMAD	T1081020	-	MARKAS DIVISYEN KE DUA INFANTERI	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1969	1	Pendaftaran Baru
78	69052501 5696	A1283855	ZARINA BINTI A RAHIM	ZARINAAR AHIM	T3002070	-	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1969	2	Pendaftaran Tukar Alamat
30	76091803 5234	A3455269	NORAZWANI BT DAUD	NORAZWANIDAUD	T1098647	-	MARKAS 2 DIV	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1976	1	Pendaftaran Baru
114	76080812 5490	A3455269	ROHAILA BINTI ZULKIFLI	ROHAILAZ ZULKIFLI	T1124993	-	MARKAS 2 DIV	KEM TUN RAZAK		11900	BAYAN LEPAS	P	05237044 00	MARKAS 2 DIVISYEN KEM TUN RAZAK	BAYAN BARU	SUNGAI KLUANG	BATU MAUNG	PULAU PINANG	ST2011	1976	2	Pendaftaran Tukar Alamat

Terdapat juga kes-kes di mana pemilih tentera dan/atau pasangannya tidak daftarkan dengan seujarnya, seperti berikut:

<u>No. Kad Tentera/MyKad Tentera dengan Pasangan</u>	<u>Sebab Keraguan/Lokaliti</u>	
810326025844 T5003228	Bazruddin bin Jakaria Nor Hasniza binti Romli	Tarikh Lahir Sama 26.03.1981 Lokaliti: 0523708401
870514385235 T1152760	Roziaton bte Ab Rahman Muhammad Silmee bin Mohamed	Tarikh Lahir Sama 14.05.1987 Lokaliti: 0523708401
750415115559 T1109516	Norhaliza binti Hassan Abu Bakar bin Osman	Tarikh Lahir Sama 15.04.1975 Lokaliti: 0420606500
800712135479 T1133142	Noraimah binti Abdullah Joni B Yahya	Tarikh Lahir Sama 12.07.1980 Lokaliti: 0420606600
871219115309 T1156461	Nasyawah binti Mohamed Sabri Mohamad Fakhrudin bin Mohamad Shamsudin	Tarikh Lahir Sama 19.12.1987 Lokaliti: 0482204600
771025036807 T1120900	Zamzán bin Yahya Zamzan bin Yahya	Tentera kahwin sendiri Lokaliti: 0420606600
801105135009 T1119892	Vinsin Ganer Anak Lawrence Vinsin Ganer Anak Lawrence	Tentera kahwin sendiri Lokaliti: 0492612500
750803085523 T1069670	Wong Chee Kiong Makihar b Mamat	Pasangan Sama Jantina Lokaliti: 0523704400
690531015801 T5800345	Rosli bin Mingan (Lelaki) Rusna bte Mat Zain (Lelaki)	Pasangan Dipaparkan Lelaki Lokaliti: 0523708401
751212086692 T1101638	Zatariah binti Che"ta (Rekod Tidak Dijumpai)	Pasangan Tidak Wujud Lokaliti: 0523704400
830804085218 T723045	Siti Nor Aishah binti Othman (Rekod Tidak Dijumpai)	Pasangan Tidak Wujud Lokaliti: 0492612500
870206085978 T724893	Habshah binti Jelani (Rekod Tidak Dijumpai)	Pasangan Tidak Wujud Lokaliti: 0492612500
580627075086 T1101030	Siti Hajar binti Din (Rekod Tidak Dijumpai)	Pasangan Tidak Wujud Lokaliti: 0523708401

730606115326  
T6047126

Nor Aniza binti Ismail  
(Rekod Tidak Dijumpai)

Pasangan Tidak Wujud  
Lokaliti: 0523708401

**18. Isteri dan ahli keluarga tentera/polis tidak boleh didaftarkan sebagai pemilih pos**

DAP bercadang supaya ahli-ahli keluarga tentera atau polis, termasuk suami atau isteri mereka tidak boleh didaftarkan sebagai pemilih pos. Ini seharusnya keistimewaan yang diberikan kepada anggota polis atau tentera yang perlu berkhidmat di kawasan-kawasan luar daripada tempatnya menghuni.

**19. Semua parti/calon bertanding tidak dibenarkan untuk memainkan isu-isu perkauman/agama semasa kempen pilihan raya dijalankan**

DAP berpendirian bahawa perlunya digubal perundangan yang baru bagi mengharamkan mana-mana parti politik atau calon bertanding daripada memainkan isu-isu perkauman atau agama dalam kempen pilihan raya masing-masing. Dengan ini, sentimen perkauman/keagamaan atau sikap benci-membenci di antara satu sama lain tidak akan dibangkitkan.

**20. SPR diberikan kuasa untuk mendakwa/mengambil tindakan terhadap mana-mana parti politik/calon yang melakukan kesalahan pilihan raya, termasuk melucutkan kelayakan mereka sebagai wakil rakyat terpilih**

Perlunya ada kuasa bagi SPR untuk menentukan sama ada kes-kes kesalahan yang menyalahi undang-undang pilihan raya dibawa ke mahkamah, termasuk melucutkan kelayakan mereka yang terpilih sebagai wakil rakyat. Janganlah SPR berperanan sebagai harimau tanpa taring.

**21. Tiada mana-mana parti politik dibenarkan untuk memiliki/mengawal media bagi menjamin kebebasan media dan kebebasan liputan semasa kempen pilihan raya**

Perlunya juga undang-undang digubal bagi melarang mana-mana parti politik daripada memiliki atau mengawal media arus perdana demi menjamin kebebasan media dan kebebasan liputan semasa kempen pilihan raya. Mana-mana media yang tidak memberi ruang yang seimbang kepada parti-parti politik yang bertanding boleh digantung operasinya dalam tempoh pilihan raya.

Disediakan oleh:

Y.B. NG WEI AIK  
Setiausaha DAP Negeri Pulau Pinang